



PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U

BROKER INSURANS

BUKU PANDUAN PERLINDUNGAN INSURANS

TATACARA TUNTUTAN UNTUK RISDA & SMR

*Disediakan oleh: Protac Insurance Brokers Sdn Bhd
Dikemaskini: Januari 2014*



TOLL FREE MOTOR ASSISTS !

STMB	• 1-800-888-788
PROGRESSIVE	• 1-300-881-238
TAKAFUL IKHLAS	• 1-800-881-186
ETIQA	• 1-800-886-491





BROKER INSURANS

PENTING!



➤ Jika berlaku kejadian kemalangan/ kerosakan, sila:

1. Jangan panik !
2. **WAJIB BUAT LAPORAN POLIS DALAM MASA 24 JAM** seperti yang dituntut oleh undang-undang dan demi pelaksanaan tuntutan dengan syarikat Insurans.
3. Catat maklumat pemandu/kenderaan/ saksi/kerosakan yang terlibat.
4. Tangkap gambar kerosakan/kejadian.
5. Maklumkan ke Protac dan Bahagian Pentadbiran RISDA/SMR dalam masa 24 jam.
Tel. No. PROTAC – 03 -4251 1635/36.
6. Bertindak segera untuk meminimumkan kerosakan

➤ Jika cermin kenderaan pecah :

1. Buat laporan polis dalam masa 24 jam (tidak perlu jika dibaiki di bengkel panel).
2. Maklumkan ke Protac dan Bahagian Pentadbiran RISDA/SMR dalam masa 24 jam.
3. Sebaik-baiknya baiki di bengkel panel.

➤ Jika anda masuk hospital (Swasta):

1. Pastikan ada surat rujukan klinik panel
2. Tunjukkan kad pekerja RISDA/maklumkan kepada hospital, anda dilindungi di bawah Skim Hospital untuk RISDA
3. Maklumkan kelayakan bilik; masuk wad menurut kelayakan

➤ Jika anda masuk hospital (Kerajaan):

1. Pastikan ada surat rujukan klinik panel
2. Tunjukkan kad pekerja RISDA/GL Mediexpress atau bayar deposit
3. Maklumkan kelayakan bilik; masuk wad menurut kelayakan
Nota – kemasukan untuk pembedahan : pembelian peralatan perlu dibeli/ditanggung oleh pesakit.



PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U

BROKER INSURANS

PENGENALAN

Pada amnya, Insurans untuk syarikat-syarikat Milikan RISDA (SMR) berfungsi sebagai:

1. Mekanisma pemindahan risiko
2. Kaedah mengurangkan/meringankan kerugian
3. Kaedah untuk membantu dalam perancangan kewangan (dari segi penyediaan bajet dan pelepasan cukai)

Buku Panduan ini disediakan untuk SMR sebagai bahan rujukan mudah berkenaan :

- a) Jenis-jenis Perlindungan Insurans
- b) Tuntutan dan tatacara/dokumen tuntutan

Nota :Urusniaga Insurans di Malaysia adalah di bawah seliaan Bank Negara Malaysia dan tertakluk kepada Akta Insurans 1996 dan AktaTakaful 1984.



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

PERLINDUNGAN INSURANS UNTUK SYARIKAT MILIKAN RISDA

BAHAGIAN I - JENIS-JENIS INSURANS :

TAKAFUL KEBAKARAN DAN PERIL BERKAITAN	5
TAKAFUL KECURIAN	5
TAKAFUL KEROSAKAN MESIN JENTERA.....	5
TAKAFUL HILANG KEUNTUNGAN (JENTERA)	6
TAKAFUL PERALATAN ELEKTRONIK.....	6
TAKAFUL LIABILITI MAJIKAN	6
TAKAFUL PERALATAN SEMUA RISIKO	6
TAKAFUL SEMUA RISIKO.....	7
TAKAFUL LIABILITI AWAM	7
TAKAFUL LIABILITI PENGARAH DAN PEGAWAI	7
TAKAFUL JAMINAN KETIDAKSETIAAN	8
TAKAFUL WANG.....	8
TAKAFUL BARANG DALAM PERJALANAN	8
TAKAFUL KACA.....	8
TAKAFUL TANAMAN.....	9
TAKAFUL SEMUA RISIKO KONTRAKTOR	9
TAKAFUL RISIKO SIAP KEJURUTERAAN AWAM.....	9
BON PELAKSANAAN JAMINAN TAKAFUL	10
TAKAFUL PAMPASAN PEKERJA	10
SKIM PAMPASAN PEKERJA ASING	10
TAKAFUL KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK.....	10
SKIM KEMASUKAN HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN PEKERJA ASING	11
PELAN KUMPULAN TAKAFUL KELUARGA (KEMUDAHAN KREDIT)	11
INSURANS TERNAKAN	12
TAKAFUL MOTOR	13
SKIM HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN BERKELOMPOK (SHPB).....	14



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

BAHAGIAN II–TATACARA TUNTUTAN

TUNTUTAN AM	15 -18
DOKUMEN SOKONGAN UNTUK TUNTUTAN AM	19 - 22
TUNTUTAN MOTOR.....	23 -24
DOKUMEN SOKONGAN UNTUK TUNTUTAN MOTOR	23 - 24
TUNTUTAN SHPB.....	25 -26
DOKUMEN SOKONGAN UNTUK TUNTUTAN SHPB.....	28

BAHAGIAN III–CARTA ALIRAN TUNTUTAN

TUNTUTAN AM	29-31
TUNTUTAN MOTOR.....	32-34

MAKLUMAT PERHUBUNGAN.....	35
----------------------------------	-----------



BROKER INSURANS

BAHAGIAN I - JENIS-JENIS INSURANS :

TAKAFUL KEBAKARAN DAN PERIL BERKAITAN **(FIRE & ALLIED PERILS TAKAFUL)**

Takaful Kebakaran menyediakan perlindungan untuk kehilangan harta benda seperti bangunan, kandungan, perabot, loji dan mesin serta juga stok. Sijil kebakaran yang asas meliputi kerugian dan/atau kerosakan yang disebabkan oleh api, kilat dan letupan gas domestik. Peserta boleh melanjutkan sijil kebakaran asas untuk meliputi kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh bahaya yang tidak berkaitan.

Bagi harta benda yang dikategorikan sebagai '**silent risk**' atau '**vacant occupation**' iaitu bangunan, kuarters atau stor yang tidak diduduki atau tidak digunakan, peserta hendaklah memaklumkan kepada penanggung risiko. Jika tidak, pihak penanggung risiko berhak untuk menolak tuntutan, sekiranya ada.

TAKAFUL KECURIAN **(BURGLARY TAKAFUL)**

Satu pelan yang menawarkan perlindungan terhadap kehilangan atau kerosakan perkara disebutkan akibat kecurian semasa disimpan di dalam premis perniagaan atau perdagangan. Pelan ini juga mencakupi kemusnahan premis peserta akibat dipecah masuk atau keluar diikuti dengan kejadian kecurian.

TAKAFUL KEROSAKAN MESIN JENTERA **(MACHINERY BREAKDOWN TAKAFUL)**

Pelan ini melindungi kerosakan yang berlaku pada mesin secara tiba-tiba dan "tidak diramal", semasa di tempat kerja atau sedang berehat dan semasa membersihkan, memeriksa, membaik pulih, mengeluarkan atau memindahkan ke posisi yang lain di dalam premis.

Kerosakan yang tidak diramal meliputi:

- Barangan rosak, rekabentuk, pembinaan atau penegakan, getaran.
- Salah suaian atau salah jajaran.
- Kegagalan mesin tersambung atau alatan prospektif lubrikasi yang defektif, kelonggaran alatan, stres tidak normal, pemanasan sendiri, litar pintas daya emparan tekanan elektrik yang berlebihan, pengarkaan atau litar terbuka, kecuaiian kegagalan penebatan atau



PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD 13257-U

BROKER INSURANS

- perbuatan jahat, kegagalan kerana kekurangan kemahiran, impak pelanggaran dan seterusnya.
- Ribut dan ribut kencang, halangan atau kemasukan benda asing.

Unsur utama perlindungan ini adalah berkaitan dengan kerosakan elektrik dan mekanikal & kerosakan tidak sengaja atas sebab yang tidak berkaitan.

TAKAFUL HILANG KEUNTUNGAN (JENTERA) **(MACHINERY BREAKDOWN LOSS OF PROFIT TAKAFUL)**

Apabila sebuah mesin di kilang rosak, bukan sahaja ia melibatkan kos pembaikan yang tinggi, tetapi ia juga menyebabkan gangguan berterusan dan bisnes tergendala - lazimnya dalam bentuk masa yang diluangkan untuk mengurus dan mengendalikan pembaikan, menunggu ketibaan alat ganti yang baru atau diperbaiki (ada kalanya dari luar negara), memulakan semula kerja di loji dan mengaktifkan semula bisnes. Polisi ini memberikan perlindungan untuk kehilangan keuntungan dan peningkatan kos, akibat daripada kejadian kerosakan kepada jentera.

TAKAFUL PERALATAN ELEKTRONIK **(ELECTRONIC EQUIPMENT TAKAFUL)**

Pelan ini menawarkan perlindungan menyeluruh untuk peralatan yang berkaitan dengan elektronik/komputer termasuk perisian sistem operasi. Sebarang kehilangan fizikal akan dibayar ganti rugi. Barang-barang yang rosak atau dimusnahkan mesti disebabkan oleh keadaan yang tidak dapat diramalkan, di mana barang-barang tidak boleh berfungsi dengan baik. Perlindungan dibahagikan kepada tiga seksyen:

- Kerosakan barangan
- Bahan media
- Peningkatan kos bekerja.

TAKAFUL LIABILITI MAJIKAN **(EMPLOYERS LIABILITY TAKAFUL)**

Sepertimana TAKAFUL PAMPASAN PEKERJA, liabiliti mungkin dikenakan kepada peserta sebagai majikan sekiranya kecederaan atau penyakit yang tidak disengajakan ke atas pekerja yang berlaku semasa dalam pekerjaan.

Bagi kategori pekerja tidak dilindungi oleh AKTA PAMPASAN PEKERJA atau PERKESO, liabiliti pada undang-undang masih wujud dan peserta boleh mendapatkan indemniti/ganti rugi di bawah PELAN TAKAFUL LIABILITI



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS
MAJIKAN.

TAKAFUL PERALATAN SEMUA RISIKO
(EQUIPMENT ALL RISKS TAKAFUL)

Pelan ini direka untuk melindungi peralatan/kelengkapan peserta dari kebakaran, kecurian, kerosakan dan sebagainya tertakluk kepada syarat dan klausa yang ditetapkan.

TAKAFUL SEMUA RISIKO
(ALL RISKS TAKAFUL)

Pelan ini menawarkan perlindungan menyeluruh untuk peralatan pejabat seperti meja, kerusi, penghawa dingin, mesin fotostat, dan lain-lain. Perlindungan yang mampu ditawarkan oleh pelan/skim ini cukup meluas dan mencakupi apa jua kemalangan yang tidak dinyatakan.

Disebabkan sifatnya yang sangat meluas dan umum, ia mudah terdedah kepada tuntutan palsu, maka perlu dijelaskan secara khusus item/barang-barang yang akan dilindungi.

TAKAFUL LIABILITI AWAM
(PUBLIC LIABILITY TAKAFUL)

Pelan ini direka untuk melindungi peserta sebagai pemilik perniagaan terhadap liabiliti undang-undang untuk membayar pampasan kecederaan anggota badan yang tidak disengajakan kepada atau kerosakan tidak sengaja kepada harta awam akibat atau menerusi kecuaiian peserta atau pekerja. Liabiliti juga termasuk caj dan perbelanjaan guaman.

TAKAFUL LIABILITI PENGARAH DAN PEGAWAI
(DIRECTORS AND OFFICERS LIABILITY TAKAFUL)

Takaful Liabiliti Pengarah dan Pegawai disusun untuk melindungi mana-mana orang yang menyandang jawatan pengarah atau yang berada di dalam pengurusan sesebuah syarikat.

Pengarah dan Pegawai mempunyai tanggung jawab kepada syarikat dan sebarang kemungkiran tanggungjawab yang membawa kerugian kepada syarikat boleh menyebabkan mereka disaman dan dipertanggungjawabkan untuk jumlah kerugian yang besar.

Liabiliti mungkin terbit daripada kekurangan penjagaan serta kemahiran



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

menjalankan tugas seorang pengarah dan seringkali pemegang saham yang akan mengambil tindakan di atas nama syarikat.

**TAKAFUL JAMINAN KETIDAKSETIAAN
(FIDELITY GUARANTEE TAKAFUL)**

Pihak Takaful akan bertanggungjawab membayar sebarang kerugian langsung wang ataupun harta-benda akibat perbuatan tidak amanah atau perlakuan jenayah yang dilakukan oleh mana-mana pekerja, peserta semasa mereka bertugas.

Di bawah perlindungan ini kerugian hendaklah dimaklumkan **dalam tempoh 6 (enam) bulan daripada tarikh penamatan perjanjian ini atau tidak lewat daripada 6 (enam) bulan selepas kematian atau pemberhentian atau persaraan pekerja yang didapati bersalah ATAU mana-mana yang akan berlaku terlebih dahulu.**

**TAKAFUL WANG
(MONEY TAKAFUL)**

Pelan ini meliputi kehilangan wang semasa pemindahan/transit dan juga wang yang disimpan di dalam premis. Jika berlakunya kehilangan wang, musnah atau rosak akibat kecurian, pihak Takaful akan memberi ganti rugi kepada anda dari segi kehilangan, kemusnahan atau kerosakan seumpama itu.

Jika melibatkan pemindahan wang (transit), '**ESCORT WARRANTY**' perlu dipatuhi iaitu:-

1. <RM20,000 : Seorang pekerja
2. RM20,000 – RM70,000 : 2 orang pekerja
3. >RM70,000 : 2 orang pekerja + Seorang Pengawal Keselamatan

**TAKAFUL BARANG DALAM PERJALANAN
(GOODS IN TRANSIT / INLAND TRANSIT TAKAFUL)**

Pelan ini menawarkan perlindungan menyeluruh untuk barang penghantaran semasa dalam perjalanan akibat kemalangan atau kerosakan ke atas barang yang dilindungi akibat dari kemalangan tersebut.

**TAKAFUL KACA
(PLATE GLASS TAKAFUL)**

Pelan ini memberi perlindungan ke atas pemecahan (tidak termasuk kerosakan oleh calaran) mana-mana item kaca yang dinyatakan secara



PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD 13257-U

BROKER INSURANS

khusus (termasuk mana-mana tulisan, penghiasan ke atasnya, jika dimasukkan). Ia membayar atau menambahbaik nilai intrinsik kaca, termasuk mana-mana peningkatan kos-kos mustahak kerana kelewatan pengantiannya.

TAKAFUL TANAMAN **(CROP / GROWING TREES TAKAFUL)**

Pelan ini menawarkan perlindungan kepada tanaman seperti getah, kelapa sawit dan koko dari kerosakan akibat kebakaran, banjir, serangan haiwan, pesawat terhempas, ribut taufan, tanah runtuh.

TAKAFUL SEMUA RISIKO KONTRAKTOR **(CONTRACTOR ALL RISKS TAKAFUL)**

Pelan ini biasanya dicari oleh kontraktor-kontraktor, terutamanya untuk menurut sesuatu kontrak yang biasanya menyatakan keperluan untuk mempunyai perlindungan untuk bangunan yang dalam pembinaan.

Jika projek anda berkait dengan kerja-kerja struktur dan prasarana seperti empangan, kerja-kerja jalan dan sebagainya menggunakan bahan-bahan binaan yang asas dan agak mudah seperti pasir, kerikil, simen, kayu, keluli dan sebagainya, maka produk ini adalah untuk anda.

Bahaya yang dilindungi:

- 1) Semula jadi - Kebakaran, Kilat, Kerosakan Air, Banjir, Ribut dan Ribut kuat, Tanah runtuh, Taufan, Angin Siklon, Gempa bumi, Letusan gunung berapi.
- 2) Sosial - Pecah rumah atau Kecurian dan Kerosakan akibat perbuatan jahat.
- 3) Kimia - Letupan, Pembakaran Spontan, Pemanasan, Penapaian.
- 4) Pelbagai - Impak dan Kerosakan Pesawat Udara.
- 5) Lain-lain - Kerosakan Tidak Sengaja.

TAKAFUL RISIKO SIAP KEJURUTERAAN AWAM **(CIVIL ENGINEERING COMPLETED RISKS TAKAFUL)**

Takaful ini direka bentuk untuk memberi perlindungan komprehensif kepada struktur kejuruteraan awam seperti jalan pertanian, pembetung dan saliran akibat banjir dan tanah runtuh.

Perlindungan hanya diberi untuk kerosakan bahan pada struktur yang



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

diinsuranskan dan hanya kos pembaikan akan dibayar.

**BON PELAKSANAAN JAMINAN TAKAFUL
(PERFORMANCE BOND TAKAFUL GUARANTEE)**

Jaminan ini merupakan waranti kepada prinsipal jika pihak kontraktor gagal menyiapkan sesuatu kerja kontrak/projek yang diberikan. Pihak penanggung risiko akan membayar balik tuntutan yang dibuat oleh prinsipal mengikut peratus ketidaksiapan kerja tersebut.

**TAKAFUL PAMPASAN PEKERJA
(WORKMEN'S COMPENSATION TAKAFUL)**

Pelan ini direka untuk melindungi pekerja tempatan dari mengalami kecederaan kerana tidak disengajakan atau menghidap penyakit semasa bekerja. Penanggung risiko akan membayar gantirugi/pampasan daripada jumlah seumpama itu dan akan bertanggung jawab bagi kos dan perbelanjaan berkaitan.

**SKIM PAMPASAN PEKERJA ASING
(FOREIGN WORKERS COMPENSATION SCHEME)**

Pelan ini khususnya untuk melindungi pekerja asing yang bekerja dengan majikan. Di bawah pelan ini, pekerja asing akan diberi pampasan kewangan jika berlaku kemalangan yang menyebabkan kematian atau kecederaan tubuh badan.

Sebagai tambahan, pelan ini juga memberi perlindungan untuk Kos Repatriasi (Penghantaran Balik Jenazah) dan Kemalangan Diri semasa di luar waktu kerja.

**TAKAFUL KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK
(GROUP PERSONAL ACCIDENT TAKAFUL)**

Pelan ini memberi pampasan kepada peserta sekiranya mengalami kecederaan anggota badan disebabkan oleh kemalangan, tindakan ganas, tidak sengaja, secara luaran dan jelas dilihat. Jika kecederaan mengakibatkan kematian atau kecacatan maka penanggung risiko akan memberi pampasan berdasarkan Jadual manfaat sebagaimana tertera dalam sijil. Pelan ini juga bersesuaian bagi perniagaan atau organisasi sosial malah untuk pelajar kolej.

Bagi perlindungan jangka pendek minimum 31 hari, peserta boleh memilih



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

TAKAFUL KEMALANGAN PERIBADI BERKUMPULAN (JANGKA PENDEK).

**SKIM KEMASUKAN HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN PEKERJA ASING (SPIKPA)
(HOSPITAL AND SURGICAL SCHEME FOR FOREIGN WORKERS)**

Dengan mengambil kira kenaikan caj-caj Hospital dan Pembedahan, Skim ini direka khas untuk mengurangkan beban kewangan pihak Majikan ke atas pekerja asing sekiranya pekerja asing tersebut dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia bukan korporat disebabkan oleh kemalangan atau penyakit.

BUTIR-BUTIR MANFAAT:

1. (a) Bilik Hospital dan Makan Harian (Maksimum sehingga 30 hari) Sebagaimana menurut bayaran yang selaras dengan Bilik dan Makan Kelas Ketiga (ke-3) sehingga maksimum RM60 sehari di Hospital Kerajaan Malaysia bukan korporat mengikut Akta Fi 1951, Perintah Fi (Perubatan) 1982
1. (b) Unit Rawatan Rapi (Maksimum sehingga 15 hari)
2. Bekalan dan Khidmat Hospital
3. Bilik Bedah
4. Fi Pembedahan (Tidak termasuk transplant organ)
5. Fi Pakar Bius
6. Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)
7. Lawatan pakar Perundingan Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)
8. Fi Ambulan atau Fi Laporan Perubatan

Had Tahunan Keseluruhan Maksimum (Butiran 1-8) RM10,000.00

CARUMAN TAHUNAN: RM120.00 bagi setiap orang yang dilindungi

**PELAN KUMPULAN TAKAFUL KELUARGA (KEMUDAHAN KREDIT)
(GROUP CREDIT SCHEME TAKAFUL)**

Menyediakan perlindungan kepada sekumpulan peminjam di bawah satu sijil Takaful induk tunggal.

Dengan pelan ini, pembiaya seperti bank, koperasi pinjaman awam atau syarikat kewangan akan mampu melindungi kepentingan pinjaman atas kemudahan kredit yang diberikan kepada pelanggan sekiranya berlaku ketidakbolehan bayaran kerana kematian mengejut atau ketidakupayaan sepenuhnya pelanggan.



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

Perlindungan yang disediakan adalah bertujuan untuk kredit jangka pendek biasanya kurang dari 5 tahun. Sama seperti Pelan Gadaijanji Takaful.

**INSURANS TERNAKAN
(LIVESTOCK INSURANCE)**

Insurans ini melindungi haiwan ternakan peserta seperti lembu dan kambing dari kematian akibat kemalangan, penyakit berjangkit, serangan haiwan liar dan lain-lain tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma yang ditetapkan. Sebagai tambahan, semua haiwan ternakan yang hendak dilindungi hendaklah berada di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

**TAKAFUL MOTOR
(MOTOR TAKAFUL)**

Sijil ini memberi perlindungan terhadap liabiliti kepada pihak lain untuk kematian atau kecederaan anggota, kerosakan kepada harta benda pihak lain dan kerosakan kebakaran tidak sengaja pada kenderaan atau kecurian kenderaan. Perlindungan yang ditawarkan adalah:

- 1) Perlindungan Pihak Ketiga - Melindungi Peserta daripada liabiliti guaman yang terbit daripada kedua-dua kecederaan anggota dan kerosakan harta benda ke atas pihak ketiga.
- 2) Perlindungan Komprehensif - Memberi perlindungan seperti di dalam "Perlindungan Kebakaran Pihak Ketiga & Kecurian" serta kerosakan fizikal pada kenderaan Peserta berikutan pelanggaran tidak sengaja.

Sila ambil maklum, jika kenderaan tersebut tidak digunakan di atas jalan (**off-road**), ianya hendaklah dilindungi dibawah polisi **Takaful Peralatan Semua Risiko (Equipment All Risks)**.

SKIM HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN BERKELOMPOK (SHPB)

Skim ini direka khas untuk kakitangan RISDA/SMR serta keluarga sekiranya peserta dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia ataupun Hospital Swasta disebabkan oleh kemalangan atau penyakit.

BUTIR-BUTIR MANFAAT:

1. (a) Bilik Hospital dan Makan Harian (Maksimum sehingga 120 hari)
1. (b) Unit Rawatan Rapi (Maksimum sehingga 20 hari)
2. Bekalan dan Khidmat Hospital



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

3. Bilik Bedah
4. Fi Pembedahan (Tidak termasuk transplant organ)
5. Fi Pakar Bius
6. Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Maksimum sehingga 120 hari)
7. Lawatan Pakar Perundingan Dalam Hospital (Maksimum sehingga 120 hari)
8. Fi Ambulan
9. Fi Laporan Perubatan
10. Elaun Hospital Kerajaan (Maksimum sehingga 120 hari).
11. Rawatan Ulangan (Maksimum sehingga 60 hari)
12. Rawatan Kecemasan(kerana sakit, tanpa diwadkan)
13. Rawatan Kecemasan akibat kemalangan
14. Pembedahan Harian (*Daycare Procedure*)
15. Manfaat Kematian

CARUMAN DIBAYAR SECARA POTONGAN GAJI BULANAN : bayaran mengikut plan yang diambil

Nota - IJN tidak termasuk dalam takrif hospital kerajaan. Maka, peserta/pesakit tidak layak untuk membuat tuntutan elaun hospital kerajaan sekiranya diwadkan di IJN.



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

BAHAGIAN II – TATACARA TUNTUTAN

TUNTUTAN INSURANS AM.

Jumlah Tuntutan

Tata-cara Tuntutan

Di bawah RM 5,000

- 1) Bertindaklah untuk mengurangkan atau mengawal kerosakan /kemalangan; simpan bahan yang rosak untuk pemeriksaan.
- 2) Jangan buat apa-apa pengakuan liabiliti, terutamanya kepada pihak ketiga.
- 3) Buat laporan polis (dalam masa 24jam selepas kejadian).
- 4) Laporkan SEGERA kepada Bahagian Pentadbiran RISDA/SMR (dalam masa 24 jam), s.k. Protac.
- 5) Ambil gambar kerosakan.
- 6) Jalankan segera pembaikan atau penggantian (setelah ada sekurang-kurangnya TIGA (3) sebutharga pembaikan/penggantian dan kos-kos berkaitan).
- 7) Hantar gambar bersama-sama dokumen sokongan kepada Protac untuk dimajukan kepada syarikat insurans.
- 8) Pihak insurans akan membuat semakan tuntutan berdasarkan dokumen sokongan yang diterima dan tawaran gantirugi (jika berkeelayakan) berdasarkan terma-terma polisi.

RM 5,000 ke atas

- 1) Bertindaklah untuk mengurangkan atau mengawal kerosakan/kemalangan; simpan bahan yang rosak untuk pemeriksaan.
- 2) Jangan buat apa-apa pengakuan liabiliti, terutamanya kepada pihak ketiga.
- 3) Buat laporan polis (dalam masa 24jam selepaskejadian).
- 4) Laporkan SEGERA kepada Bahagian Pentadbiran RISDA/SMR (dalam masa 24 jam), s.k. Protac
- 5) Ambil gambar kerosakan.



BROKER INSURANS

PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD 13257-U

- 6) Jalankan segera pembaikan atau penggantian (setelah ada sekurang-kurangnya TIGA (3) sebutarga) untuk mengawal/mengurangkan kerugian, SELEPAS menerima “Kebeharuan Tanpa Prejudis” dari pihak Insurans/“adjuster”.
- 7) Protac akan menghantar “adjuster” ke tempat kejadian.
- 8) “Adjuster” akan buat “survey” kerosakan.
- 9) Sediakan dokumen sokongan tuntutan seperti yang diminta dan hantar ke Protac.
- 10) Protac akan semak samada dokumen sokongan adalah seperti yang diminta dan dimajukan kepada syarikat “adjuster”.
- 11) Pihak “adjuster” akan buat laporan kepada syarikat insurans.
- 12) Pihak insurans akan membuat tawaran gantirugi setelah laporan “adjuster” diterima (jika berkelayakan) berdasarkan terma-terma polisi.



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

Berikut ialah kategori-kategori tuntutan:

Harta-benda

- Tuntutan Kebakaran (Fire Claim)
- Tuntutan Kerugian Turutan (Fire Consequential Loss)
- Tuntutan Tanaman (Crop)
- Tuntutan Ternakan (Livestock)
- Tuntutan Kecurian (Burglary)
- Tuntutan Peralatan Elektronik (Electronic Equipment)
- Tuntutan Semua Risiko (All Risks)
- Tuntutan Barang Dalam Perjalanan (Goods In Transit)
- Tuntutan Peralatan Semua Risiko (Equipment All Risks)

Kemalangan Berkelompok (Group Personal Accident)

- Tuntutan Kemalangan Diri Berkelompok (Group Personal Accident Claim)

Hayat Bertempoh Berkelompok (Group Term Life)

- Tuntutan Hayat Bertempoh Berkelompok (Group Term Life Claim)

Liabiliti

- Tuntutan Liabiliti Am (Public Liability Claim)
- Tuntutan Liabiliti Majikan (Employer's Liability Claim)
- Tuntutan Pampasan Pekerja (Workmen Compensation Claim)
- Tuntutan Liabiliti Pengarah dan Pegawai (Directors' and Officers' Liability Claim)
- Tuntutan Pampasan Pekerja Asing (Foreign Workers Compensation)

Kejuruteraan

- Tuntutan Semua Risiko Kontraktor (Contractor All Risk Claim)
- Tuntutan Risiko Semua Pembinaan Menyeluruh (Erection All Risk Claim)
- Tuntutan Kerosakan Jentera (Machinery Breakdown Claim)
- Tuntutan Kerugian Turutan Kerosakan Jentera (Machinery Breakdown Loss of Profits Claim)
- Tuntutan Risiko Siap Kejuruteraan Awam (Civil Engineering Completed Risks)
- Tuntutan Semua Risiko Kontraktor (Contractor All Risks)



PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U

BROKER INSURANS

Lain-lain

- Tuntutan Peril Komprehensif (Comprehensive Peril Claim)
- Tuntutan Wang (Money Claim)
- Tuntutan Jaminan Kesetiaan (Fidelity Guarantee Claim)
- Tuntutan Plat Kaca (Plate Glass Claim)
- Tuntutan Bon Pelaksanaan Jaminan (Performance Bond Guarantee)
- Tuntutan Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing
- Tuntutan Pelan Kumpulan Kemudahan Kredit (Group Credit Scheme)
- Tuntutan Kenderaan (Motor)



BROKER INSURANS

Senarai Dokumen-dokumen Sokongan Tuntutan

1) Kebakaran (Fire)

- Borang tuntutan yang telah dilengkapkan
- Laporan Polis
- Laporan Pihak Bomba
- Sebutharga Pembaikan/Pengembalian Semula
- Inbois Pembelian/penggantian
- Laporan teknikal daripada pembekal/pihak yang membaiki mengenai keadaan dan sejauh mana keperluan untuk pembaikan kerosakan
- Gambar-gambar yang menunjukkan kerosakan

Nota – laporkan tuntutan secepat mungkin selepas berlakunya kejadian; laporan polis/bomba dalam masa 24jam selepas kejadian

Untuk tuntutan Tanaman/Ternakan –senarai dokumen di atas boleh digunapakai. Senarai tepat bergantung kepada kejadian tuntutan.

2) Kemalangan Diri (Personal Accident)

Kecederaan:

- Borang tuntutan yang telah dilengkapkan
- Surat Perakuan Sakit (bagi pampasan kehilangan upaya)
- Slip Gaji (di mana jumlah perlindungan bukan berdasarkan jumlah tetap)
- Laporan Perubatan (disertakan kepada borang tuntutan)
- Bil-bil perubatan asal
- Salinan Kad Pengenalan
- Laporan polis (jika terlibat dengan kemalangan jalanraya)
- Surat Pengambilan ke Jawatan/ Surat Perlantikan (bagi kumpulan di mana sijil diatur tanpa senarai penamaan)

Nota – laporkan tuntutan dalam jangkamasa 30 hari selepas kemalangan; laporan polis dalam masa 24jam selepas kejadian

Kematian (Fatal):

- Borang tuntutan yang telah dilengkapkan
- Laporan polis
- Sijil Kematian
- Permit pengkebumian
- Laporan “Post Mortem” (jika ada)



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

- Slip gaji (di mana jumlah perlindungan bukan berdasarkan jumlah tetap)
- Surat Pengambilan ke Jawatan/ Surat Perlantikan (bagi kumpulan di mana siji diatur tanpa senarai penamaan)

Nota – laporkan tuntutan secepat mungkin selepas berlakunya kejadian

3) Hayat Bertempoh Berkelompok (Group Term Life):

- Borang tuntutan yang telah dilengkapkan
- Laporan polis (jika terlibat di dalam kemalangan)
- Sijil Kematian
- Permit pengkebumian
- Laporan “Post Mortem” (jika ada)
- Slip gaji (di mana jumlah perlindungan bukan berdasarkan jumlah tetap)
- Surat Pengambilan ke Jawatan/ Surat Perlantikan (bagi kumpulan di mana siji diatur tanpa senarai penamaan)

Nota – laporkan tuntutan dalam jangkamasa 90 hari selepas kematian

4) Pecah Pejabat/Rumah Pekerja (Burglary):

- Borang tuntutan yang telah dilengkapkan
- Laporan polis
- Dokumen-dokumen pengesahan bagi item-item yang dicuri seperti resit pembelian, penghantaran pesanan, rekod-rekod stok dan sebagainya.
- Senarai inventori item-item yang dicuri
- Bil-bil penggantian
- Gambar-gambar premis-premis yang rosak, jika pembaikan perlu dilakukan dengan segera

Nota – laporkan tuntutan secepat mungkin selepas berlakunya kejadian; buat laporan polis dalam masa 24jam selepas kejadian

5) Wang (Money)

- Borang tuntutan yang telah dilengkapkan
- Laporan polis
- Slip/baucer deposit wang (*bank-in*) harian



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

- Penyata Akaun Bank
- Buku Tunai/Buku Kira-kira
- Ringkasan Harian Lembaran Jualan
- Inbois-inbois jualan/bil-bil tunai
- Bil-bil asal/resit-resit kerosakan kepada premis/peti-peti simpanan keselamatan/kabinet-kabinet

Nota – buat laporan polis dalam jangkamasa 24jam; laporkan tuntutan secepat mungkin selepas berlakunya kejadian

6) Jaminan Kesetiaan (Fidelity Guarantee)

- Borang tuntutan yang telah dilengkapkan
- Laporan polis
- Laporan siasatan dalaman
- Surat Pengambilan ke Jawatan/ Surat Perlantikan
- Butir-butir barangan dan/atau wang yang telah diselewengkan
- Inbois-inbois pembelian/jualan
- Laporan kutipan wang harian

Nota – laporkan tuntutan secepat mungkin selepas disedari berlakunya kejadian

7) Plat Kaca/Peril Komprehensif (Plate Glass/Comprehensive Peril)

- Borang tuntutan yang telah dilengkapkan
- Gambar-gambar yang menunjukkan kerosakan
- Inbois-inbois pembelian
- Inbois-inbois penggantian/sebutharga

Nota – laporkan tuntutan secepat mungkin selepas berlakunya kejadian

8) Liabiliti Awam (Public Liability)

- Borang tuntutan yang telah dilengkapkan
- Laporan polis jika ada
- Surat tuntutan dari pihak ketiga dengan dokumen-dokumen pengesahan untuk membuktikan kerugian mereka jika ada



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

- Semua surat dakwaan, surat saman dan sebagainya yang berkaitan dengan tuntutan
- Laporan perubatan, laporan “*post mortem*” (kecederaan tubuh badan/kematian)
- Laporan Jurutera/ atau Laporan Forensik (jika tuntutan adalah berasas)
- Gambar-gambar atau lakaran mengenai tempat kejadian

Nota – laporkan tuntutan secepat mungkin selepas berlakunya kejadian

9) Liabiliti Majikan/Pampasan Pekerja

Tidak Mati (Non-Fatal):

- Borang tuntutan yang telah dilengkapkan
- Laporan polis jika perlu
- Laporan perubatan dan resit-resit perubatan asal
- Baucer gaji
- Penilaian Perburuhan (bagi Tuntutan Pampasan Pekerja)

Mati(Fatal):

Dokumen-dokumen tambahan berikut diperlukan:-

- Laporan “*post mortem*”
- Sijil Kematian
- Permit Pengkebumian

Nota – laporkan tuntutan secepat mungkin selepas berlakunya kejadian

RUJUKAN :

Syarikat Takaful Malaysia Berhad
Takaful Ikhlas Sdn Bhd



PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD 13257-U

BROKER INSURANS

TUNTUTAN INSURANS MOTOR

NOTA PENTING – Jangan mengaku salah atau membuat apa-apa bayaran tanpa persetujuan pihak Syarikat Insurans.

Jumlah Tuntutan

Tata-cara Tuntutan

Di bawah RM 5,000

- 1) Buat laporan polis (dalam masa 24jam)
- 2) Laporkan segera kepada Bahagian Pentadbiran RISDA/SMR, s.k. Protac.
- 3) Jalankan segera pembaikan di bengkel panel syarikat Insurans.
- 4) Sediakan dokumen sokongan tuntutan seperti yang diminta oleh bengkel dan hantar sesalinan ke Protac.
- 5) Pihak Insurans akan berhubung terus dengan bengkel dan membuat semakan tuntutan berdasarkan dokumen sokongan yang diterima dan tawaran gantirugi (jika berkeelayakan) berdasarkan terma-terma polisi.
- 6) Surat tawaran penyelesaian tuntutan akan dihantar terus ke bengkel dan diminta fakskan satu salinan kepada Protac.
- 7) Sekiranya pemilik/pengguna kenderaan bersetuju dengan tawaran pampasan gantirugi, turunkan tandatangan ke atas surat tawaran tersebut.
- 8) Pembayaran kos pembaikan akan dibayar terus oleh syarikat Insurans kepada bengkel.

RM 5,000 ke atas

- 1) Buat laporan polis (dalam masa 24jam).
- 2) Laporkan segera kepada Bahagian Pentadbiran RISDA/SMR, s.k. Protac.
- 3) Jalankan segera pembaikan di bengkel panel syarikat Insurans
- 4) Protac akan menghantar “adjuster” ke tempat kejadian.
- 5) “Adjuster” akan buat “survey” kerosakan.
- 6) Sediakan dokumen sokongan tuntutan seperti yang diminta oleh bengkel dan hantar sesalinan ke Protac.



PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD 13257-U

BROKER INSURANS

- 7) Pihak Insurans akan berhubung terus dengan bengkel dan “adjuster” serta membuat semakan tuntutan berdasarkan dokumen sokongan yang diterima
- 8) Pihak “adjuster” akan buat laporan kepada syarikat insurans.
- 9) Pihak insurans akan membuat tawaran gantirugi setelah laporan “adjuster” diterima (jika berkeelayakan) berdasarkan terma-terma polisi.
- 10) Surat tawaran penyelesaian tuntutan akan dihantar terus ke bengkel dan diminta fakskan satu salinan kepada Protac.
- 11) Sekiranya pemilik/pengguna kenderaan bersetuju dengan tawaran pampasan gantirugi, turunkan tandatangan ke atas surat tawaran tersebut.
- 12) Pembayaran kos pembaikan akan dibayar terus oleh syarikat Insurans kepada bengkel.

TUNTUTAN PERNYATAAN SAMAN DARI PIHAK KETIGA

NOTA PENTING – Jangan mengaku salah atau membuat apa-apa bayaran tanpa persetujuan pihak Syarikat Insurans.

Tata-cara Tuntutan

1. Fakskan sesalinan surat pernyataan saman/tarikh sebutan kepada Bahagian Pentadbiran RISDA/SMR, s.k. Protac.
2. Serahkan segala surat-menyurat dari pihak ketiga kepada Protac.
3. Protac akan maklumkan kepada syarikat Insurans berkenaan kes saman tersebut.
4. Pihak Insurans akan melantik peguam yang akan mewakili pemilik/pemandu kenderaan di mahkamah.
5. Segala tuntutan pihak ketiga akan diuruskan oleh peguam yang dilantik oleh syarikat Insurans.



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

TUNTUTAN INSURANS MOTOR

Jenis –jenis Tuntutan Kenderaan Bermotor :

- Tuntutan Kerosakan / Kerosakan Sendiri Perjanjian Sesama Selesai (*Own Damage Knock for Knock - OD KFK*)
- Tuntutan Cermin Kenderaan
- Tuntutan Kecurian

Sila hantar dokumen-dokumen berikut untuk menyokong tuntutan anda:

1) Kerosakan Sendiri Kenderaan Bermotor (*Own Damage*)

- Borang tuntutan yang telah dilengkapkan
- Laporan Polis Yang Asal
- Anggaran pembaikan oleh bengkel membaiki kenderaan termasuk gambar-gambar yang menunjukkan kerosakan
- Salinan Kad Pendaftaran
- Salinan Kad Pengenalan Peserta
- Salinan Kad Pengenalan dan Lesen Memandu Pemandu
- Salinan Cukai Jalan

Nota – buat laporan polis dalam jangkamasa 24jam; laporkan tuntutan secepat mungkin selepas berlakunya kejadian. Sebaik-baikya baikilah di bengkel panel.

2) Kerosakan Kenderaan Bermotor Perjanjian Sesama Selesai (*Knock for Knock*)

Proses tuntutan ialah kepada syarikat insurans pihak bersalah TETAPI melalui syarikat insurans kita. Tuntutan dihantar kepada syarikat insurans kita dan kemudian syarikat insurans kita akan menuntut pula dari syarikat insurans pihak ketiga. NCB kita tidak akan terjejas.

- Borang tuntutan yang telah dilengkapkan
- Laporan Polis Yang Asal
- Anggaran pembaikan oleh bengkel membaiki kenderaan termasuk gambar-gambar yang menunjukkan kerosakan
- Salinan Kad Pendaftaran
- Salinan Kad Pengenalan Peserta
- Salinan Kad Pengenalan dan Lesen Memandu Pemandu
- Cakera Cukai Jalan
- Salinan Laporan Penemuan Polis Yang Telah Disahkan
- Salinan Laporan Polis Pihak Ketiga Yang Telah Disahkan
- Salinan pelan lakaran polis yang telah disahkan dan kunci-kunci kenderaan



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

- Borang Perakuan Kerosakan Diri Perjanjian Sesama Selesai (*OD KFK*)

Nota – Buat laporan polis dalam jangkamasa 24jam; laporkan tuntutan secepat mungkin selepas berlakunya kejadian

3) Kecurian Kenderaan Bermotor (*Motor Theft*)/Kerugian Menyeluruh (*Total Loss*)/Kerugian Menyeluruh Konstruktif (*Constructive Total Loss*)/Kebakaran (*Fire*)

- Borang tuntutan yang telah dilengkapkan
- Laporan Polis Yang Asal
- Kad Pendaftaran Yang Asal
- JPJ K3 dan JPJ K8 yang telah ditandatangani/dicop
- Sijil Asal
- Kunci-kunci untuk kenderaan
- Salinan Kad Pengenalan dan Lesen Memandu Peserta
- Salinan Kad Pengenalan dan Lesen Memandu Pemandu
- Surat Akuan JPJ
- Laporan Pihak Bomba (bagi Kebakaran sahaja)

Untuk korporat , dokumen-dokumen tambahan yang diperlukan adalah seperti berikut:-

- Salinan Memorandum & Artikel Pertubuhan yang telah disahkan
- Borang 9, 24 dan 49
- Salinan kad Pengenalan Salah seorang Ahli Lembaga Pengarah

Nota – buat laporan polis dalam jangkamasa 24jam; laporkan tuntutan secepat mungkin selepas berlakunya kejadian.

4) Cermin Kenderaan (*Windscreen*)

- Borang Tuntutan yang telah dilengkapkan
- Laporan Polis Yang Asal (jika ada); *tidak perlu jika diperbaiki di bengkel panel*
- Gambar-gambar yang menunjukkan kerosakan, termasuk no. plet kenderaan (sebelum dan selepas penggantian)
- Bil Pembaikan Yang Asal
- Salinan Kad Pendaftaran

Nota – sebaik-baiknya baiki di bengkel panel untuk memudahkan urusan tuntutan

RUJUKAN :
Syarikat Takaful Malaysia Berhad
Takaful Ikhlas Sdn Bhd



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

TUNTUTAN SKIM HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN BERKELOMPOK

Kemasukan ke dalam Hospital Kerajaan - Tata-cara

1. Pastikan ada surat rujukan klinik panel
2. Tunjukkan kad pekerja RISDA/GL Mediexpress atau bayar deposit
3. Maklumkan kelayakan bilik; masuk wad menurut kelayakan

Nota :

1. **Kemasukan untuk pembedahan - pembelian peralatan perlu dibeli oleh pesakit dahulu.**
2. **Tiada bayaran untuk tuntutan Elaun Hospital Kerajaan bagi kemasukan ke IJN kerana IJN tidak termasuk di dalam takrif sebagai hospital kerajaan.**

Kemasukan ke dalam Hospital Swasta - Tata-cara

1. Pastikan ada surat rujukan klinik panel
2. Tunjukkan kad pekerja RISDA/maklumkan kepada hospital, anda dilindungi di bawah Skim Hospital untuk RISDA
3. Maklumkan kelayakan bilik; masuk wad menurut kelayakan
4. Hospital perlu fakskan surat rujukan klinik panel, borang "Admission Diagnosis" untuk pengeluaran surat jaminan (GL)
5. Hospital perlu mengikuti tatacara perhubungan seperti yang telah dimaklumkan oleh RISDA kepada semua hospital panel melalui surat pekeliling

Nota :

1. **Pesakit perlu masuk wad menurut kelayakan. Sekiranya tidak, peserta/pesakit boleh "didenda" menurut syarat "Co-pay Room & Board".**



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

TUNTUTAN SKIM HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN BERKELOMPOK

Sila hantar dokumen-dokumen berikut untuk menyokong tuntutan anda:

1. Tuntutan "Reimbursement"
 - a. Borang Tuntutan
 - b. Bil Asal
 - c. Resit Asal
 - d. Laporan Perubatan (untuk tuntutan melebihi RM500.00)
 - e. Salinan IC ahli/peserta yang disahkan

2. Tuntutan Elaun Hospital Kerajaan
 - a. Borang Tuntutan
 - b. Nota Discaj atau "Discharge Summary"
 - c. Salinan IC ahli/peserta yang disahkan

3. Tuntutan Manfaat Kematian
 - a. Borang Tuntutan
 - b. Salinan sijil kematian yang disahkan
 - c. Salinan IC ahli/peserta yang disahkan



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

BAHAGIAN III - CARTA ALIRAN TUNTUTAN AM

TANGGUNGJAWAB

SUMBER

INSURED

TEL/FAKS/SURAT/
E-MEL/"WALK-IN"

PROTAC

POLISI, SIJIL,
BROKING SLIP

PROTAC

INSURED

TEL/FAKS/SURAT/
E-MEL/INBOIS

PROTAC

TEL/FAKS/E-MEL

PROTAC

TEL/FAKS/E-MEL

PROTAC/
INSURED


FAKS/SURAT/E-MEL

PROTAC

SURAT/
E-MEL

PROTAC

FAKS/SURAT/E-MEL






**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

CARTA ALIRAN TUNTUTAN AM





**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

CARTA ALIRAN TUNTUTAN AM


TANGGUNGJAWAB

PROTAC

PROTAC

PROTAC

SEMUA



SUMBER

SURAT SETUJU TERIMA

TEL/FAKS/SURAT/EMEL/
SENARAI TUNTUTAN/
MESYUARAT


SURAT HANTAR CEK



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

BAHAGIAN III - CARTA ALIRAN TUNTUTAN MOTOR






**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

CARTA ALIRAN TUNTUTAN MOTOR





**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

CARTA ALIRAN TUNTUTAN MOTOR



TANGGUNGJAWAB

PROTAC

PROTAC

PROTAC

SEMUA



SUMBER

SURAT SETUJU TERIMA

TEL/FAKS/SURAT/E-MEL/
SENARAI TUNTUTAN/
MESYUARAT

SURAT HANTAR CEK



**PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
13257-U**

BROKER INSURANS

Sekiranya ada pertanyaan, sila hubungi :

PROTAC INSURANCE BROKERS SDN BHD
WISMA PROTAC, NO. 35 JALAN MEMANDA 7
AMPANG POINT
68000 AMPANG
SELANGOR

TEL – 03 4251 1635/636
FAX – 03 4251 2381 / 4257 0627
protac@streamyx.com

BAHAGIAN BROKING – 1. PN NORIZAH BT. HJ MOHAMATH norizah@protac.com.my
2. EN RIZUAN B. OTHMAN wan@protac.com.my
3. PN HASIAH BT. AB RAHMAN hasiah@protac.com.my
4. CIK JAMALIAH BT. SHOIB jamaliah@protac.com.my
5. EN MOHD AZARI B. MOHD JIWA azari@protac.com.my

BAHAGIAN TUNTUTAN - 1. PN SHARIFAH MUNAEEM BT. SYED ABDUL
BARI naeem@protac.com.my
2. PN SALASIAH BT. HJ ZAKARIA salasiah@protac.com.my
3. EN ISHAK B. AHMAD ishak@protac.com.my

